

- 17-18 Oktober - 5.7 meter
- 15-16 November - 5.6 meter
- 14-15 Disember - 5.3 meter

Perak arah JPS periksa ban, baiki kerosakan

IpoH: Kerajaan Perak mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri itu melaksanakan dua langkah perlu sebagai persiapan untuk berdepan banjir besar yang diramal berlaku di empat negeri bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin berkata, bagi tujuan itu, jabatan itu diminta membuat pemeriksaan di semua ban projek tebatan banjir dan memperbaiki sebarang kerosakan jika ada.

Katanya, JPS juga perlu membuat pemantauan lebih aktif paras air sungai bagi memperkemas sistem amaran awal supaya penduduk dapat berpindah lebih awal jika berlaku banjir.

"Saya berharap pihak JPS dapat melaksanakan kedua-dua perkara ini segera sebagai persiapan awal kita menghadapi sebarang kemungkinan banjir besar. Kita mahu mengelak kejadian banjir namun jika berlaku juga maka kita mahu penduduk dimaklumkan melalui sistem amaran awal.

Pantau paras sungai

"Ini penting kerana kejadian banjir yang berlaku di daerah Bagan Datoh beberapa hari lalu umpamanya hanya disedari penduduk selepas banjir berlaku, jadi pemantauan paras sungai yang lebih aktif perlu dilakukan," katanya ketika dihubungi *BH* di sini semalam.

Zainol Fadzi berkata, pemantauan projek tebatan banjir untuk memastikan ban dibina teguh tanpa diganggu termasuk dengan pembinaan pembetung haram pada ban pencegah banjir seperti yang dikesan di daerah Bagan Datoh hingga menjadi punca limpahan air Sungai Perak memasuki kawasan penempatan berikutan air laut pasang besar.

"Kejadian banjir di Bagan Datoh fenomena di luar jangka dan kampung yang saya lawati semalam (kelmarin) di kawasan Tapak Semenang sudah lama tidak berlaku banjir dan terakhir banjir berlaku 40 tahun lalu.

"Namun disebabkan pemasangan pembetung haram masalah itu berlaku," katanya.

Di **Selangor**, paras air akibat fenomena berkenaan dijangka meningkat sehingga 5.7 meter melebihi paras air tertinggi yang direkodkan pada fenomena air laut pasang besar minggu lalu iaitu 5.6 meter.

Pengkaji Ilmu Samudera, Mohd Salleh Mazukhi, berkata jika bacaan paras air pada bulan depan tepat seperti yang dijangka iaitu 5.7 melebihi paras air tertinggi direkodkan minggu lalu iaitu 5.6 meter, impak sama akan melanda negeri di Pantai Barat termasuk Selangor.

"Fenomena air pasang besar sehingga menyebabkan banjir di beberapa daerah di negeri ini Ahad lalu bukan perkara yang tiba-tiba malah ia sudah dijangka berlaku setiap kali kejadian air pasang besar berlaku," katanya ketika dihubungi.